

13/11/1998

Pertandingan tidak gugat perpaduan

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Pertandingan dalam parti, termasuk bagi mengisi jawatan Timbalan Presiden Umno, tidak akan menggugat perpaduan parti jika ahli akur kepada perlembagaan dan adat susila Melayu.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), Ruhanie Ahmad, berkata jika kempen penawaran diri untuk bertanding mana-mana jawatan dilakukan dalam ruang lingkup yang dibenarkan, masalah tidak akan timbul.

Selain itu, katanya, perpecahan parti yang berlaku pada 1987 perlu dijadikan teladan dan batasan kepada mereka yang berhasrat menawarkan diri untuk bertanding.

"Selagi semua pihak patuh kepada undang-undang parti dan adat susila Melayu dan mematuhi perjuangan terdahulu yang menjadi kekuatan parti sebelum ini, saya yakin tidak akan berlaku perpecahan," katanya.

Beliau diminta mengulas mengenai kemungkinan berlaku perpecahan dalam parti sekiranya berlaku pertandingan mengisi kekosongan jawatan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan tahun depan.

Sebelum ini, dua Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Razak membayangkan kemungkinan bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno yang kosong berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sebelum itu, Ruhanie yang juga Pengerusi Mara menyaksikan majlis penyerahan Institut Malaysia Perancis (MFI) kepada Mara dan menandatangani Memorandum Perjanjian di antara MFI dan sebuah persatuan latihan industri profesional di negara itu, AFPI, di sini hari ini.

Mengenai politik wang pada perhimpunan akan datang, Ruhanie yang juga Ahli Parlimen Parit Sulong, berkata ahli Umno tidak lagi menerimanya kerana perkara itu sentiasa diingatkan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sistem akan menolak mereka yang mengamalkan politik wang. Benih antipolitik wang yang ditambah di kalangan ahli Umno akan menyebabkan kegiatan itu tidak diterima," katanya.

(END)